



**MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR
45000 KUALA SELANGOR**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) yang masih di benarkan membuat tawaran bagi kerja-kerja seperti berikut :-

BIL	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KELAS PENDAFTARAN	TARIKH & DOKUMEN MULAI DAN TARIKH AKHIR JUALAN DOKUMEN	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP
1.	<p>KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PENEBAHAN POKOK TEDUHAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN TAJ 1, TAMAN ALAM JAYA, JALAN TIAJ 2/1, 2/2, 2/3, 2/4, 2/5, 2/6, 2/7, 2/8 DAN 2/9, TAMAN INDUSTRI ALAM JAYA, BANDAR PUNCAK ALAM, DAERAH KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN</p> <p>No.Sebutharga : SH 118/2018</p>	<p>Gred G2</p> <p>Kategori CE</p> <p>Pengkhususan CE 14</p>	<p>Mulai 30.07.2018 Hingga 13.08.2018</p>	RM 70.00	14.08.2018 (jam 12 t/hari)

Setiap pembelian/permohonan Dokumen Sebut Harga **boleh dibeli secara online melalui laman web <https://tender.selangor.my>** bermula 30 Julai 2018 dengan bayaran seperti yang dinyatakan.

Kontraktor perlu mengemukakan salinan pendaftaran syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera bersama-sama Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap semasa penghantaran dokumen.

- * *Penyata Bank mestilah disertakan bagi tawaran kerja Gred Pendaftaran G2 sehingga G7*
- * *Kontraktor/Pemborong disyorkan membuat lawatan tapak sendiri bagi kerja-kerja diatas.*

Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan No. Sebut Harga serta tajuk dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan oleh Majlis Daerah Kuala Selangor di **Aras Bawah, Majlis Daerah Kuala Selangor sebelum atau pada 14 Ogos 2018, jam 12.00 tengahari**. Dokumen yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Pihak Majlis juga tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran.

.....
(Rahilah binti Rahmat A.M.S.)
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kuala Selangor
QS/farah/iklan sh/240718

Tarikh : hb. Julai 2018